

PROSEDUR TUNTUTAN INSURANS

Sekiranya berlaku kemalangan yang melibatkan kematian atau kecederaan, salinan dokumen yang perlu dikemukakan ke Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa adalah seperti berikut :-

Kes Kematian

- Sijil kematian
- Permit menguburkan
- Salinan kad pengenalan/sijil kelahiran
- Salinan kad matrik
- Laporan perubatan/post mortem
- Laporan polis

Kes Bukan Kematian

- Laporan polis
- Laporan perubatan
- Gambar (sekiranya berkaitan)
- Salinan kad pengenalan/sijil kelahiran
- Salinan kad matrik
- Salinan *Discharge Note*
- Salinan asal sijil cuti sakit (*sekiranya diminta*)

TANGGUNGJAWAB MAHASISWA/WARIS

PENTING!!!

Mahasiswa atau waris yang ditimpa kemalangan adalah bertanggungjawab untuk membuat laporan ke Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa dengan **KADAR SEGERA** agar tuntutan di bawah skim ini dapat diuruskan dengan pihak insurans.

Untuk maklumat lanjut,
sila hubungi :

Unit Kebajikan Mahasiswa
Aras 1, Bangunan Persatuan
Pelajar (SUB)
Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa,
Universiti Teknologi Malaysia,
81310, UTM Johor Bahru,
Johor

Telefon : +6075530513 /
+6075530683

Faks : +6075530491

Prihatin ♦ Komited ♦ Mesra

Dikemaskini pada Februari 2016



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



Bahagian Kemudahan &
Kesejahteraan Mahasiswa
Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa

PENGENALAN

SKIM INSURANS TAKAFUL BERKELOMPOK MAHASISWA UTM

semua mahasiswa berdaftar di UTM akan dicarumkan dengan perlindungan insurans pada setiap sesi pengajian. Tujuan perlindungan ini adalah bagi menjaga kebajikan mahasiswa dari segi memudahkan urusan mahasiswa dengan organisasi/agensi berkaitan dengan latihan industri, program pertukaran mahasiswa ke luar negara serta melancarkan aktiviti/program mahasiswa. Unit Kebajikan Mahasiswa, pejabat HEMA bertanggungjawab menguruskan caruman dan tuntutan bagi semua mahasiswa warganegara Malaysia.



MANFAAT SKIM

Manfaat Yang Diberikan Akibat Penyakit

	Skop Perlindungan	Jumlah (RM)/seorang
a)	Kematian	12,000.00
b)	Hilang Upaya Kekal & Menyeluruh	12,000.00* (maksimum)
c)	Perbelanjaan Pengkebumian	2,000.00
d)	Pengurusan Penghantaran Jenazah	2,000.00

Manfaat Yang Diberikan Akibat Kemalangan

	Skop Perlindungan	Jumlah (RM)/seorang
a)	Kematian	22,000.00
b)	Keilatan Kekal	12,000.00* (maksimum)
c)	Perbelanjaan Pengkebumian	2,000.00
d)	Penghantaran Pulang Jenazah	2,000.00
e)	Elaun Harian Hospital (Hospital Kerajaan sahaja)	50.00 sehari (maksimum 30 hari)
f)	Yuran Ambulan	250.00 (maksimum)
g)	Kemalangan Disebabkan Kebakaran	1000.00

Nota : * Tertakluk kepada Jadual Hilang Keupayaan Kekal



TUNTUTAN YANG TIDAK DIBAYAR

Skim ini tidak akan membayar tuntutan sekiranya disebabkan oleh perkara-perkara antaranya seperti berikut:-

- Membunuh atau mencederakan diri/sebarang percubaan samada dalam keadaan siuman atau tidak;
- Dijangkiti virus HIV atau penyakit yang disebarkan secara seksual;
- Ketika waktu perang / operasi alai peperangan / pemulihan perintah awam;
- Memasuki, mengendali, menyelenggara pengangkutan udara;
- Penyalahgunaan bahan, alkohol, dan/atau dadah;
- Terlibat di dalam rusuhan / jenayah;
- Terlibat di dalam aktiviti-aktiviti penganas;
- Bersalin, keguguran kehamilan atau apa-apa komplikasi yang berkaitan;
- Sebarang perlakuan yang melanggar Undang-Undang Sivil atau Syariah.

